

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

-Kamus Indonesia-

Di dalam bulan Julai yang lepas saya telah menyambut daripada seorang sahabat saya yang di Indonesia sebagai suatu cenderamata daripadanya sebuah buku kamus Indonesia bertulis Rumi dicap di Bandung (di Tanah Jawa) yang dikarang atau disusun oleh seorang bernama E. ST. HARAHAHAP tetapi ejaan-ejaan ruminya bercampur cara Belanda atau Indonesia dengan cara Inggeris atau Malaya dan setengah-setengahnya pada sepatah perkataan sahaja terhimpun dua macam ejaannya. Pangkalnya cara Indonesia dan di hujungnya cara Malaya atau sebaliknya misalnya perkataan punya "POENYA" iaitu pangkalnya Indonesia POE dan akhirnya Malaya NYA dan kurun "KURUN" mengikut cara Malaya terus, tidak pula cara Indonesia "KOEROEN" pendeknya tidak tetap dan lagi perkataan-perkataan kamus bahasa Indonesia itu boleh dikatakan 30 seperatus daripada bahasa Belanda dan setengah-setengahnya perkataan-perkataan Inggeris tetapi kebanyakan daripada perkataan dua bahasa Eropah ini tidak betul pula. Hanya mengikut telur lidah Melayu Indonesia. Maka kesalahan-kesalahan ini menyebabkan pembaca-pembaca kamus ini payah menyebutnya atau terkeliru.

Menurut susunan huruf tentulah betul dimulakan kamus itu dengan huruf A (alif) dan awal perkataannya di situ Aba Abad I (ABAD I) dengan ertinya kekal; tidak habis-habis maka yang demikian itu betul, kemudian diadakan pula ABAD II yang diertikan pula 100 tahun, sesungguhnya "Abad", dan "Abada" itu perkataan Arab, bererti kekal selama-lamanya dengan tiada ditentulan berapa-berapa tahun lamanya yakni tiada bersukatan dan tiada berkesudahan. Erti abad yang pertama itu sudah betul, tetapi tentang abad II itu tuan pengarang kamus itu juga ertikan 100 taun pula! Jika menurut erti abad II saya misalkannya seperti mengatakan

pohon kelapa yang besar tegak tinggi menghadap ke langit itu ialah pohon cakar yang sememang kecil dan rendah melekap ke bumi; atau buai dikatakan cacak; cacing kerawit itu ular naga! Orang Indonesialah yang banyak mengatakan kurun Masihi sekarang ini "Abad yang kedua puluh" dan setengah daripada orang-orang Melayu kita di Malaya ini menurut-nurut kata saudara-saudara kita yang tersalah di Indonesia-sepertiilah Si Rabun memimpin Si Buta rupanya! Bila sampai saya pada huruf K (yang sememangnya tiada perlainan bunyi di antara "qof" dan "kaf" di sisi huruf Rumi) bertemulah saya dengan perkataan KURUN ejaan Rumi Malaya- (bukan KOEROEN ejaan Rumi Indonesia)- iaitu "kurun" yang bererti 100 tahun di dalam bahasa Arab, bukanlah abad 100 tahun; tetapi "kurun" itu telah diubahkan ertinya oleh tuan pengarang kamus Indonesia itu dengan "umur lelaki; umur manusia; lagi waktu yang 10, 20 atau 100 tahun." Seumur hidup saya belum pernah saya dengar atau baca surat-surat atau buku-buku tawarikh mengatakan kurun bererti sebagaimana yang ada di dalam kamus Indonesia yang tersebut di atas tadi itu. Jika kita turut keterangan kamus yang tersebut bolehkah seorang budak yang berumur 10 tahun dan seorang muda lelaki yang berumur 20 pula tatkala seorang tua lelaki yang berumur 100 tahun, ketiga-tiga manusia itu umurnya sama satu kurun?

Pada faham saya, adapun maksud dan tujuan sebarang kamus daripada apa bahasa jua pun ialah supaya menerangkan erti sepatah atau beberapa patah perkataan-perkataan atau pun sekurang-kurangnya menolong mengingatkan siapa-siapa yang telah lupa ejaan sesuatu perkataan itu, bukanlah menyesatkan seseorang yang metelaahnya. Sebuah kamus menyesatkan pembacanya itu samalah seperti sebuah perahu yang hanyut menurut kehendak alun dan gelombang di laut kemudian tenggelam karam ia dan orang-orang di dalamnya terapung-apung tidak tentu akan mati lemas atau..... Sementara dapat perahu lain (kamus yang lain) datang menyelamatkan mereka itu yang malang!